

PERTANDINGAN TENPIN BOWLING INTER STAF PPK ALAM SEKITAR

Mahyun Ab Wahab (Pensyarah)

PPK Alam Sekitar sekali lagi menganjurkan pertandingan tenpin bowling antara kakitangan. Pertandingan yang menjadi acara wajib setiap semester ini semakin mendapat penyertaan yang menggalakkan daripada kakitangan mahupun pelajar ijazah tinggi.

Pertandingan kali ini agak kurang serinya kerana tidak disertai oleh Dekan PPKAS, Dr Khairul Nizar Ismail. Namun demikian, sebanyak 8 kumpulan yang terdiri daripada empat orang sepasukan tetap berusaha menunjukkan kehebatan masing-masing. Pada 'frame' yang pertama, setiap peserta cuba untuk menjatuhkan sebanyak pin yang mungkin, tetapi ada juga yang 'belum cukup panas' bangkit pada 'frame' yang kedua dan tetap berusaha untuk menambah mata pada 'frame' yang terakhir.

En. Saiful Azhar Saad berjaya merampas takhta 'PPKAS Best Bowler' pada kali ini daripada Mohd Shukri Ardzmi yang telah memegang takhta selama 2 semester berturut-turut. Dalam acara berpasukan, kumpulan yang terdiri daripada Wan Sabki, Tajuddin, Wahida dan Razi berjaya mencatat kejuaraan.

Kejayaan dan kekalahan tidak menjadi ukuran utama dalam pertandingan ini tetapi kerjasama dan semangat berpasukan dapat terus dipupuk dan diterapkan secara tidak langsung. Akhir kata, majulah sukan untuk PPKAS.

